

SOALAN NO. 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN CHARLES ANTHONY
SANTIAGO [KLANG]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan Kerajaan untuk menawarkan bantuan guaman kepada golongan yang tidak berkemampuan. Adakah Kerajaan sudi mewujudkan sistem bantuan guaman yang menyeluruh di setiap negeri.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa prihatin dan komited untuk memastikan golongan yang tidak berkemampuan mendapat akses kepada keadilan melalui bantuan guaman yang ditawarkan oleh dua (2) jabatan/agensi iaitu Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK). Kedua-dua jabatan/agensi ini saling melengkapi antara satu sama lain daripada aspek fungsi dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Jabatan Bantuan Guaman (JBG) ditubuhkan pada September 1970 melalui Ordinan No. 39 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 sebelum ia dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Bantuan Guaman 1971. Fungsi utama Jabatan ini sebagaimana peruntukan seksyen 10, 12, 29 dan 29A Akta Bantuan Guaman 1971 adalah seperti berikut:

- i. memberikan perkhidmatan bantuan guaman dalam prosiding jenayah yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta;
- ii. memberikan perkhidmatan bantuan guaman dalam prosiding sivil yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Akta;
- iii. memberikan perkhidmatan nasihat guaman seperti yang dinyatakan dalam Jadual Keempat Akta; dan
- iv. menyediakan khidmat pengantaraan kepada mereka yang dibantu.

JBG mempunyai cawangan di setiap negeri dengan kekuatan sumber manusia seramai 458 orang pegawai dan kakitangan. Seramai 83 orang daripada jumlah tersebut merupakan pegawai undang-undang yang mempunyai pengalaman mengendalikan kes-kes undang-undang Sivil dan Syariah. Memandangkan bidang kuasa kes jenayah yang boleh dikendalikan oleh JBG di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 adalah amat terhad,

YBGK ditubuhkan berperanan untuk memberikan bantuan guaman kepada golongan yang kurang berkemampuan dalam kes-kes jenayah mulai tahun 2010. YBGK mempunyai bidang kuasa kes jenayah yang lebih luas iaitu merangkumi pengendalian kes-kes di peringkat penahanan, reman, pertuduhan, permohonan jamin, mitigasi, perbicaraan dan rayuan. Pada masa yang sama, YBGK juga turut beroperasi di setiap negeri.

Bantuan guaman turut diberikan oleh Badan Bukan Kerajaan seperti Majlis Peguam, *Advocates Association of Sarawak*, *Sabah Law Association* dan parti-parti politik yang melengkapi perkhidmatan bantuan guaman yang diberikan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.